

MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V)
Anak syarikat milik penuh:
Permodalan Nasional Berhad (38218-X)

PEJABAT PENDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
Telefon: 03-2050 5500

LEMBAGA PENGARAH

Tun Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid (Pengerusi)
Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman
Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin
Tan Sri Dato' Md. Desa bin Pachi
Datuk Burhanuddin bin Ahmad Tajudin
Encik Idris bin Kechot

PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman

PENGARAH EKSEKUTIF

Encik Idris bin Kechot

SETIAUSAHA SYARIKAT

Puan Adibah Khairiah binti Ismail @ Daud (MIA 13755)

PEGAWAI KANAN PEMATUHAN

Encik Paisol bin Ahmad

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

JURUAUDIT

Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad

BANK

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad

PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

Tetuan Zain & Co.
Tetuan Zainal Abidin & Co.
Tetuan Zaid Ibrahim & Co.
Tetuan Azizah Mohd. Dun & Co. (Sabah)
Tetuan Marzuki Spawj & Co. (Sabah)
Tetuan Idris-Buang & Associates (Sarawak)
Tetuan Hamzah & Ong Advocates (Sarawak)

EJEN

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
RHB Bank Berhad
Pos Malaysia Berhad

LAPORAN TAHUNAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Ogos 2008



ISI KANDUNGAN

	Muka surat
I. Laporan Pengurus	3
II. Penyata Pengurus	11
III. Penyataan Pemegang Amanah	12
IV. Laporan Juruaudit	13
V. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	15
Vi. Penyata Aliran Tunai	16
Vii. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	17-27
Viii. Maklumat Korporat	28

AMANAH SAHAM WAWASAN 2020

LAPORAN PENGURUS

Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Wawasan 2020 ("ASW 2020") yang dihormati, AmanahRaya Trustees Berhad ("ART") selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") selaku Pengurus ASW 2020, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASW 2020 bagi tahun berakhir 31 Ogos, 2008.

I. MAKLUMAT TABUNG

a) Nama Tabung : Amanah Saham Wawasan 2020

Kategori : Ekuiti.

Jenis Tabung : Pendapatan.

b) **Objektif Pelaburan Tabung**

Objektif ASW 2020 adalah untuk memberi pulangan pada kadar yang berpatutan dan berterusan kepada pemegang-pemegang unit, menerusi pelaburan dalam portfolio terpilih yang terdiri daripada pelaburan yang dibenarkan.

c) **Penanda Aras Tabung ASW 2020**

ASW 2020 menggunakan penanda aras Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-bulan ("3-bulan KLIBOR") bagi tujuan perbandingan prestasinya.

d) **Polisi Pengagihan Pendapatan Tabung**

ASW 2020 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

e) **Pegangan Unit**

Pada 31 Ogos, 2008, seramai 789,576 individu telah menyertai ASW 2020. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:-

Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Bilangan Unit
5,000 ke bawah	614,047	578,330,391
5,001 - 10,000	54,463	398,910,620
10,001 - 50,000	92,949	1,956,982,341
50,001 - 500,000	26,707	2,832,090,631
500,001 ke atas	1,410	2,000,137,534
JUMLAH	789,576	7,766,451,517

II. PRESTASI TABUNG

a) Perumpukan Aset

Perumpukan aset bagi ASW 2020 adalah seperti berikut:-

Komponen Aset Dalam Portfolio	(%)		
	31/08/2008	31/08/2007	31/08/2006
Pelaburan di Pasaran Ekuiti	66.94	70.90	81.42
Pelaburan di Pasaran Wang dan Lain-lain Aset Bersih	33.06	29.10	18.58
Jumlah	100.00	100.00	100.00

b) Perumpukan Aset Mengikut Sektor Pada Nilai Pasaran

Sektor	(RM'000)		
	31/08/2008	31/08/2007	31/08/2006
<u>Pelaburan disebut harga</u>			
Pembinaan	5.04	4.07	2.92
Barangan Pengguna	3.57	4.67	4.26
Kewangan	16.46	18.77	23.65
Barangan Industri	4.69	4.32	4.63
Infrastruktur	7.30	3.53	2.46
Perladangan	3.74	5.28	2.22
Hartanah	2.25	1.30	1.92
Teknologi	0.29	0.44	0.84
Perkhidmatan/Perdagangan	23.23	28.23	37.97
MESDAQ	0.03	0.04	0.12
REITs	0.19	0.25	0.42
Waran	0.15	-	-
<i>Pelaburan di Pasaran Ekuiti</i>	<i>66.94</i>	<i>70.90</i>	<i>81.42</i>
<i>Pelaburan di Pasaran Wang dan Lain-lain Aset Bersih</i>	<i>33.06</i>	<i>29.10</i>	<i>18.58</i>
JUMLAH	100.00	100.00	100.00

Senarai 20 Pelaburan Terbesar yang Disebut Harga Dari Segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding Dengan Nilai Aset Bersih Tabung

Bil	Syarikat	Peratusan Dari Nilai Aset Bersih Tabung (%)
1	Malayan Banking Berhad	7.77
2	Tenaga Nasional Berhad	6.60
3	Bumiputra-Commerce Holdings Berhad	5.48
4	Sime Darby Berhad	4.48

b) Perumpukan Aset Mengikut Sektor Pada Nilai Pasaran (Samb.)

Bil	Syarikat	Peratusan Dari Nilai Aset Bersih Tabung (%)
5	PNB Structured Investment Fund	3.25
6	TM International Berhad	3.12
7	MISC Berhad	2.66
8	UMW Holdings Berhad	2.58
9	Petronas Gas Berhad	2.43
10	Digi.Com Berhad	1.95
11	IJM Corporation Berhad	1.76
12	Plus Expressways Berhad	1.62
13	Gamuda Berhad	1.50
14	Public Bank Berhad	1.48
15	MISC Berhad – Foreign Shares	1.47
16	YTL Corporation Berhad	1.41
17	Kuala Lumpur Kepong Berhad	1.41
18	YTL Power International Berhad	1.34
19	Telekom Malaysia Berhad	1.30
20	NCB Holdings Berhad	1.22

c) Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
	2008	2007	2006
- Unit Dalam Edaran (juta)	7,795	5,355	3,090
- Kadar Pengagihan (sen seunit)	7.00	8.00	6.80
- Jumlah Pengagihan (RM juta)	493.63	351.02	201.12
- Tarikh pembayaran	1 September	1 September	1 September
- Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ₁	1.02	0.94	0.36
- Pusing Ganti Portfolio (kali) ₂	0.24	0.40	0.27

Nota

- 1) Nisbah Perbelanjaan Pengurusan adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASW 2020 dengan purata NAB ASW 2020 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara Nisbah Perbelanjaan Pengurusan pada 31 Ogos, 2008, dan 31 Ogos, 2007, adalah tidak ketara.
- 2) Pusing Ganti Portfolio adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB ASW 2020 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara Pusing Ganti Portfolio pada 31 Ogos, 2008, dan 31 Ogos, 2007, adalah tidak ketara.

d) Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan bagi ASW 2020 adalah seperti berikut:-

	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%)	7.00	7.27	7.18
3-bulan KLIBOR (%)	3.60	3.46	3.22

Nota

- a) 1 tahun ialah pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
b) 3 tahun ialah pengagihan pendapatan tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan bagi 2 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 3.
c) 5 tahun ialah pengagihan pendapatan tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan bagi 4 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 5.
2. Kadar 3-bln KLIBOR adalah berdasarkan kepada faedah penghujung bulan.

III. LAPORAN PENGURUS

a) Prestasi Tabung ASW 2020

ASW 2020 telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pengagihan pendapatan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit, bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos, 2008.

b) Perbandingan Prestasi Pulangan Tabung ASW 2020 Dengan Penanda Aras

Prestasi pulangan bagi ASW 2020 berbanding penanda aras adalah seperti berikut:-

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos				
	2008	2007	2006	2005	2004
Jumlah Pulangan (%)	7.00	8.00	6.80	7.10	7.00
3-bulan KLIBOR (%)	3.60	3.57	3.22	2.89	2.81

Nota: Jumlah Pulangan adalah pendapatan bagi tahun tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

c) Polisi Pelaburan

Polisi pelaburan ASW 2020 ialah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan, merangkumi ekuiti syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, ekuiti syarikat-syarikat yang tidak disenaraikan, sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal yang dibenarkan dalam Suratikatan.

d) Strategi Pelaburan

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Ogos, 2008 strategi pelaburan ASW 2020 telah dilaksanakan dengan perumpukan strategik aset di antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap. Pelaburan ASW 2020 lebih bertumpu kepada ekuiti berdasarkan jangkaan pulangan yang lebih kompetitif menerusi keuntungan modal dan juga pulangan dividen ekoran dari pertumbuhan positif ekonomi negara. Pengurus pelaburan ASW 2020 sentiasa mengambil kira suasana ekonomi semasa seperti peningkatan harga komoditi minyak sawit, kenaikan harga minyak mentah serta keadaan inflasi dalam menentukan julat pendedahan dalam pegangan ekuiti. Pengurus pelaburan ASW 2020 sentiasa memastikan bahawa pelaburan diurus secara aktif untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Di samping pendedahan terhadap ekuiti, pelaburan dalam instrumen berpendapatan tetap akan dikekalkan berdasarkan keperluan tabung. Untuk pilihan sektor, Pengurus pelaburan ASW 2020 telah memberi tumpuan terhadap sektor kewangan, perdagangan dan perkhidmatan serta perladangan yang dijangkakan dapat memberi keuntungan daripada pulangan modal dan juga pembayaran dividen yang memuaskan. Pegurus pelaburan ASW 2020 turut memastikan pelaburan di buat ke atas syarikat yang mempunyai kekuatan asas perniagaan dan prospek yang cerah. Berdasarkan sentimen pasaran yang agak lemah, pelaburan lebih ditumpukan kepada saham-saham yang dijangka akan memberi pulangan dividen yang lebih tinggi.

Pengurus dana turut melabur dalam sekuriti pendapatan tetap untuk mempelbagaikan pelaburan disamping mengurangkan risiko portfolio. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap dilakukan setelah pengurus dana melakukan analisa kredit. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap mementingkan penarafan kredit sekurang-kurangnya taraf 'A' yang diberikan oleh Rating Agency Malaysia Berhad ("RAM") atau setaraf dengannya yang diberikan oleh agensi penarafan di Malaysia.

e) Ulasan Pasaran

Tinjauan Pasaran Modal

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos, 2008, Indeks Komposit Kuala Lumpur ("KLCI") telah mencatatkan penurunan sebanyak 173.43 mata atau -13.58% untuk ditutup pada 1,100.50 mata pada 31 Ogos, 2008 berbanding 1,273.93 mata yang dicatatkan pada 31 Ogos, 2007. Bagi tempoh yang sama, KLCI telah mencatat paras tertinggi 1,516.22 mata pada 11 Januari, 2008, manakala paras terendah 1,067.65 mata dicatatkan pada 27 Ogos, 2008. Manakala, kadar faedah di pasaran wang domestik pula kekal stabil sepanjang tempoh tinjauan. Kadar Dasar Semalaman pula kekal pada 3.50% sejak kenaikan terakhir pada 25 April, 2006, manakala Kadar Faedah Antara Bank untuk Semalaman berada di antara 3.49% dan 3.51% (Sumber : Bank Negara Malaysia "BNM").

Pada suku pertama tahun kewangan semasa (September 2007 – November 2007), pasaran saham bermula dengan baik didorong oleh sentimen positif dirangsang oleh kenaikan nilai Ringgit, pembentangan bajet 2008, serta kenaikan harga komoditi seperti minyak sawit dan minyak mentah yang akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara. Pasaran saham turut mendapat manfaat daripada minat para pelabur pada saham hartanah dan perladangan serta cadangan pelaburan di Wilayah Pembangunan Iskandar ("IDR"). KLCI terus meningkat kepada 1,396.98 mata yang dicatatkan pada penutup 30 November, 2007.

Pada suku kedua tahun kewangan semasa (Disember 2007 – Februari, 2008), sentimen pasaran terus positif dengan kemasukan pelabur asing, pengukuhan nilai ringgit dibantu oleh persekitaran kadar faedah rendah yang telah mendorong ke arah pengukuhan harga saham. Faktor-faktor tersebut telah membantu KLCI untuk ditutup pada paras tertinggi iaitu pada 1,516.22 mata yang dicatatkan pada 11 Januari, 2008. Pasaran saham serantau termasuk Malaysia mula menurun selepas itu berikutan kegiatan pengambilan untung, masalah penguncupan kecairan serta kebimbangan terhadap kegawatan ekonomi di Amerika Syarikat ("AS"). KLCI telah mengalami penurunan untuk ditutup pada paras 1,357.40 mata pada 29 Februari, 2008.

Pada suku ketiga tahun kewangan semasa (Mac 2008 – Mei 2008) sentimen pasaran kembali negatif setelah isu-isu global seperti kelembapan ekonomi AS, jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan serta peningkatan kadar inflasi global telah mempengaruhi pasaran. Tekanan jualan yang hebat telah mengakibatkan KLCI kehilangan 343 mata atau 22.62% daripada paras tertinggi yang dicatatkan pada Januari dan jatuh ke paras terendah dalam tempoh hampir setahun kepada 1,173.22 mata pada 10 Mac, 2008. Keadaan kembali pulih pada bulan-bulan berikutnya berikutan peningkatan di Wall Street serta peningkatan harga komoditi. Saham-saham dalam sektor perladangan serta minyak dan gas kembali menjadi tumpuan para pelabur.

Pada suku keempat tahun kewangan semasa (Jun 2008 - Ogos 2008), menyaksikan penstrukturan semula subsidi sektor minyak dan gas berikutan peningkatan harga minyak mentah dunia telah mengakibatkan sentimen kembali negatif. Para pelabur bimbang terhadap tekanan inflasi dan juga kesan kepada kos operasi syarikat. Kejatuhan mendadak harga minyak sawit telah menyebabkan harga saham di sektor perladangan turut jatuh. Pasaran saham turut terjejas dan KLCI telah ditutup pada paras 1,067.65 mata pada 27 Ogos, 2008 iaitu catatan terendah dalam tempoh kajian tahun kewangan semasa.

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal

Ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar lebih rendah di paras 3.90% pada tahun 2009 berbanding perkembangan sebanyak 4.10% pada tahun 2008 (Sumber: International Monetary Fund). Pertumbuhan ekonomi AS dijangka sederhana pada kadar 3.10% akibat kemerosotan pasaran perumahan dan perbelanjaan pengguna berikutan kenaikan harga minyak dan bahan makanan serta kesempitan pasaran kredit. Kadar pertumbuhan ekonomi negara membangun juga dijangka lebih rendah dengan ekonomi negara seperti China dijangka berkembang pada kadar 10% pada tahun 2008-2009 berbanding 12% pada tahun 2007. Tabung Kewangan Dunia juga menjangkakan kadar inflasi dunia yang lebih tinggi pada kadar 3.50% di negara-negara maju dan di antara 4.20% sehingga 8.60% di negara-negara membangun bagi tahun 2008. Kadar inflasi yang lebih tinggi ini dilihat akan memberi tekanan kepada bank-bank pusat untuk meningkatkan kadar faedah.

Selaras dengan ekonomi dunia, ekonomi negara diunjurkan berkembang pada kadar 5.40% (Sumber: BNM). Perkembangan ini akan didorong oleh pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, seperti cadangan pembangunan di "IDR". Walau bagaimanapun, ekonomi negara diunjur akan lebih rendah akibat tekanan inflasi dan ini mungkin akan menyebabkan BNM untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman.

Pasaran saham pula dijangka akan terus dipengaruhi oleh kebimbangan terhadap inflasi, kenaikan kadar faedah, serta perkembangan negatif ekonomi AS. Meskipun begitu, asas-asas ekonomi negara masih kukuh berdasarkan lebihan akaun semasa dan juga rizab asing yang besar.

Oleh itu, ASW 2020 akan memberi tumpuan kepada saham-saham yang diniagakan di bawah harga wajar, yang mempunyai asas fundamental yang kukuh serta mempunyai prospek dalam jangkamasa panjang.

f) Pengagihan Pendapatan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos, 2008, ASW 2020 telah memperuntukkan sejumlah RM493.63 juta (2007: RM351.02 juta) iaitu bersamaan dengan 7.00 sen seunit (2007: 8.00 sen seunit) untuk pembayaran pengagihan pendapatan. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minimum bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh kewangan tersebut.

ASW 2020 telah memperolehi sumber pendapatan dari dividen kasar dari syarikat-syarikat pelaburan, keuntungan ternyata dari jualan pelaburan dan pendapatan dari lain-lain instrumen pasaran modal. Jumlah pendapatan telah meningkat sebanyak RM55.04 juta kepada RM587.18 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos, 2008, berbanding RM532.14 juta pada tahun sebelumnya.

Sumber Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
	2008 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Dividen Kasar			
– saham disebut harga	249.64	181.49	122.70
Keuntungan ternyata dari jualan pelaburan	221.07	292.75	96.34
Pendapatan dari lain-lain instrumen pasaran modal	116.47	57.90	24.61
Jumlah Pendapatan	587.18	532.14	243.65

g) Perubahan Yang Ketara Terhadap Kedudukan Tabung Dalam Tempoh Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos, 2008, tiada sebarang perubahan yang ketara terhadap kedudukan ASW 2020.

h) Situasi Yang Boleh Menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit

ASNB dan ASW 2020 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

i) Komisyen Ringan

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urus niaga berhubung dengan urus niaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

j) Harga Belian dan Jualan

Urus niaga ASW 2020 adalah pada kadar RM1.00 seunit untuk belian dan jualan di sepanjang tempoh tahun kewangan.

AMANAH SAHAM WAWASAN 2020

PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit AMANAH SAHAM WAWASAN 2020

Kami, sebagai Pengarah kepada **AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD**, iaitu Pengurus Kepada **AMANAH SAHAM WAWASAN 2020** ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2008, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Ogos 2008, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak **AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD**, selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM WAWASAN 2020, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 25 September 2008.

TUN DATO' SERIAHMAD SARJI
BIN ABDUL HAMID
Pengarah

TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH
BIN CHE OTHMAN
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

AMANAH SAHAM WAWASAN 2020

PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit AMANAH SAHAM WAWASAN 2020

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD, selaku Pemegang Amanah kepada **AMANAH SAHAM WAWASAN 2020** (“UnitAmanah”), berpendapat bahawa **AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD**, selaku Pengurus Unit Amanah telah menjalankan tanggungjawab mereka bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2008, seperti berikut:

- (a) Unit Amanah ini telah diuruskan selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah dan peruntukan-peruntukan lain yang termaktub di dalam Suratikatan, Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti (“Garis Panduan”), Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang diterima pakai bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2008, dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah;
- (b) Prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menetapkan harga unit AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 adalah mencukupi dan selaras dengan Suratikatan dan peruntukan undang-undang yang berkaitan;
- (c) Jualan, pembelian balik, penjadian dan pembatalan unit AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 dilaksanakan selaras dengan Suratikatan, Garis Panduan dan lain-lain peruntukan undang-undang yang berkaitan; dan
- (d) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM WAWASAN adalah selaras dengan objektif pelaburan Unit Amanah.

Yang benar,
Untuk dan bagi pihak
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 ("Unit Amanah")

Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Saham Wawasan 2020, yang mengandungi Penyata Aset dan Liabiliti pada 31 Ogos 2008, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih Boleh Agih kepada Pemegang-pemegang Unit dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 15 hingga 27.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan.

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards - FRSS) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samaada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah

Amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Unit Amanah, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia, kecuali pengecualian untuk beberapa keperluan yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Ogos 2008 dan prestasi kewangannya, penyata perubahan dalam nilai aset bersih serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Lain-lain perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, sebagai sebuah badan, menurut Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad
AF: 0002
Akauntan Bertauliah

Abdul Rauf bin Rashid
No. 2305/05/10(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2008**

	Nota	2008 (RM)	2007 (RM)
PENDAPATAN			
Faedah dan lain-lain pendapatan		116,463,120	57,903,341
Pendapatan dividen		249,640,075	181,492,968
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		<u>221,073,304</u>	<u>292,747,076</u>
		<u>587,176,499</u>	<u>532,143,385</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	5	76,740,000	41,270,000
Yuran Pemegang Amanah	6	500,000	500,000
Ganjaran juruaudit		19,000	15,000
Perbelanjaan pentadbiran		671,877	605,053
Rosot nilai dalam saham disebut harga		8,410,438	2,853,608
		<u>86,341,315</u>	<u>45,243,661</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI		500,835,184	486,899,724
	7	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>500,835,184</u>	<u>486,899,724</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		500,835,184	486,899,724
Tidak ternyata		-	-
		<u>500,835,184</u>	<u>486,899,724</u>
Pengagihan pada tahun semasa	8	<u>493,634,244</u>	<u>351,019,698</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>7.00 sen</u>	<u>8.00 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 September 2008</u>	<u>1 September 2007</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2008**

	2008 (RM)	2007 (RM)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Pendapatan sebelum cukai	500,835,184	486,899,724
Pelarasan untuk:		
Faedah dan lain-lain pendapatan	(116,463,120)	(57,903,341)
Dividen kasar daripada saham disebut harga	(249,640,075)	(181,492,968)
Keuntungan ternyata bersih daripada jualan pelaburan	(221,073,304)	(292,747,076)
Rosot nilai dalam saham disebut harga	<u>8,410,438</u>	<u>2,853,608</u>
Kerugian kendalian sebelum perubahan modal kerja	(77,930,877)	(42,390,053)
Pertambahan dalam tuntutan cukai	(40,738,235)	(18,087,745)
Pertambahan/(pengurangan) dalam jumlah terhutang daripada broker saham	(441,826)	13,273,553
Pengurangan dalam penghutang	14,222	21,741
(Pengurangan)/pertambahan dalam jumlah terhutang kepada broker saham	(22,511,999)	44,398,015
Pertambahan dalam pemiutang	<u>24,000</u>	<u>45,000</u>
Tunai dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi	(141,584,715)	(2,739,489)
Pembelian pelaburan	(4,016,981,546)	(2,255,594,100)
Perolehan daripada jualan pelaburan	1,054,193,975	1,338,717,269
Dividen kasar diterima	258,975,791	162,799,225
Pendapatan faedah diterima	104,536,781	55,901,931
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	<u>(2,740,859,714)</u>	<u>(700,915,164)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Penggajian dibayar	(351,019,698)	(201,125,930)
Tunai diterima daripada penjadian unit	<u>2,440,000,000</u>	<u>2,265,100,000</u>
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	<u>2,088,980,302</u>	<u>2,063,974,070</u>
(PENGURANGAN)/PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
	(651,879,412)	1,363,058,906
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	<u>2,059,205,402</u>	<u>696,146,496</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u>1,407,325,990</u>	<u>2,059,205,402</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	5,001	5,015
Instrumen pasaran kewangan (Nota 11)	108,277,956	543,908,325
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 12)	<u>1,299,043,033</u>	<u>1,515,292,062</u>
	<u>1,407,325,990</u>	<u>2,059,205,402</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 OGOS 2008

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 14 Ogos 1996, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad serta Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 14 Ogos 1996, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 23 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hakmilik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 14 Mei 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 25 September 2008.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar faedah dan kredit timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan yang teliti bagi prestasi syarikat-syarikat yang dilaburkan oleh Unit Amanah.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan oleh Unit Amanah.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila dana yang ada tidak mencukupi bagi memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi. Sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah, kecuali seperti yang dinyatakan di dalam dasar-dasar perakaunan di bawah dan menurut Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards - FRSs) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia, kecuali bagi pengecualian daripada beberapa peruntukan seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(b) Kesan daripada Adaptasi Piawaian Laporan Kewangan Yang Baru dan Yang Telah Disemak Semula

Pada 1 Julai 2007, Unit Amanah telah menggunakan FRSs, FRS yang telah disemak semula dan Interpretasi seperti yang berikut:

FRS 107 - Penyata Aliran Tunai

FRS 111 - Kontrak Pembinaan *

FRS 112 - Cukai Pendapatan

FRS 118 - Hasil

FRS 120 - Perakaunan untuk Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan *

FRS 134 - Laporan Kewangan Interim

FRS 137 - Peruntukan, Liabiliti Kontingen dan Aset Kontingen

Perubahan terhadap FRS 121: Kesan Perubahan Kadar Tukaran Asing *

IC Interpretasi 1 : Pertukaran dalam Pembubaran Sedia ada, Pengekalan dan Liabiliti-liabiliti yang Setara *

IC Interpretasi 2 : Saham Ahli-ahli Entiti-entiti Koperasi dan Instrumen-instrumen yang Setara *

IC Interpretasi 5 : Hak Terhadap Kepentingan Berpunca daripada Pembubaran, Pengekalan dan Dana Pemuliharaan Alam *

IC Interpretasi 6 : Liabiliti-liabiliti Berpunca Daripada Penyertaan dalam Pasaran Tertentu - Sisa Kelengkapan Elektrik dan Elektronik *

IC Interpretasi 7 : Penggunaan Pendekatan Dinyatakan Semula di bawah FRS 129²⁰⁰⁴ - Laporan Kewangan di dalam Ekonomi 'Hyperinflationary'

IC Interpretasi 8 : Skop FRS 2 *

* Para pengarah berpendapat bahawa FRSs, Perubahan terhadap FRSs dan Interpretasi ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

Lain-lain FRSs tidak memberikan kesan signifikan di dalam polisi perakaunan Unit Amanah.

(c) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga dan Sekuriti Modal Bercantum

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga dan sekuriti modal bercantum adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan lazimnya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan-pelaburan ini dinyatakan pada kos dan dimana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang.

(ii) Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disenaraikan

Pelaburan dalam skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada nilai saksama berdasarkan harga terakhir yang dikeluarkan. Pertambahan atau pengurangan di dalam nilai dibawa akan dipindahkan ke rizab pelaburan semula.

(iii) Saham Disebut Harga, Waran dan Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs")

Pelaburan dalam saham disebut harga, waran dan REITs adalah dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan.

(iv) Instrumen Pasaran Kewangan

Pelaburan dalam kertas komersial Islam dinyatakan menurut harga kos diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun melebihi nilai par pada waktu perolehan, tolak sebarang kerugian rosot nilai yang kekal. Premium atau diskaun dilunaskan atau diakreasikan ke atas baki jangkamasa sekuriti dari tarikh perolehan.

(v) Deposit dengan Institusi Kewangan

Simpanan dengan institusi kewangan dinyatakan pada kos.

(d) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(e) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai yang boleh diperolehi.

(f) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(g) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga, waran dan REITs diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Keuntungan/pendapatan daripada sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, instrumen pasaran kewangan dan simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akruan menggunakan “Effective Interest Method”.

(h) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan instrumen pasaran kewangan dimana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(i) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam Penyata Aset dan Liabiliti merangkumi tunai di bank, pelaburan disebut harga, pelaburan tidak disebut harga, sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, instrumen pasaran kewangan, deposit dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkaraperkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, pendapatan keuntungan, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:-

- (i) Pengurus Pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.

- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskauankan, aset nyata bersih, nilai ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Kunci Sumber Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi mengangar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan kunci sumber ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liability, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa kepada tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang dibawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot berkaitan pelaburan-pelaburan tersebut dengan indikasi rosot nilai dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan sepanjang tahun membawanya kepada pengiktirafan rosot nilai pelaburan sebanyak RM8,410,438 (2007: RM2,853,608).

Nilai dibawa pelaburan disebut harga pada 31 Ogos, 2008 dinyatakan di Nota 12

5. YURAN PENGURUSAN

Klausa 25(8) Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian, seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2008 ialah 1% setahun (2007: 1% setahun) daripada NAB Unit Amanah.

6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 25(7) Surat Ikaton memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari masa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah adalah RM500,000, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2008 ditetapkan pada RM500,000 (2007: RM500,000).

7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidang kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 2006 hingga 2016.

Tuntutan cukai merupakan cukai yang ditolak daripada punca atas pendapatan dividen yang diperolehi di Malaysia dan akan dituntut daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Akta Cukai Pendapatan 1967 telah dipinda baru-baru ini untuk memperkenalkan sistem cukai korporat "single-tier" bermula dari tahun taksiran 2008. Menurut sistem cukai korporat "single-tier", pengagihan dividen kepada pemegang-pemegang saham adalah dikecualikan daripada cukai.

Walaubagaimanapun, akan terdapat tempoh peralihan selama enam tahun (tahun taksiran 2008 ke 31 Disember 2013) bagi membolehkan syarikat-syarikat yang mana memenuhi syarat-syarat tertentu, untuk meneruskan pembayaran dividen mengikut sistem imputasi terhad (peralihan). Dividen-dividen dibayar dalam sistem imputasi terhad (peralihan) tertakluk kepada cukai ditangan pemegang-pemegang saham. Pemegang-pemegang saham boleh menuntut cukai yang ditolak daripada sumber pembayaran dividen sebagai kredit cukai.

Syarikat-syarikat yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi membuat bayaran dividen mengikut sistem imputasi terhad (peralihan) diperlukan membuat bayaran dividen mengikut sistem cukai "single-tier".

Bermula dari 1 Januari, 2014, semua syarikat perlu membayar dividen mengikut sistem cukai "single-tier".

Jangkaan kesan terhadap Unit Amanah adalah seperti berikut:

Dalam tempoh peralihan, jika Unit Amanah menerima pendapatan dividen dari syarikat-syarikat yang dilaburkan yang membayar dividen dalam sistem imputasi terhad (peralihan), Unit Amanah boleh terus membuat tuntutan bagi cukai yang ditolak daripada sumber sebagai tuntutan semula daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan syarat Unit Amanah memenuhi syarat-syarat tertentu.

Walaupun bagaimanapun, tidak akan ada tuntutan cukai yang boleh dituntut oleh Unit Amanah jika dividen yang diterima di dalam sistem cukai "single-tier" kerana dividen tersebut adalah dikecualikan daripada cukai dan maka dengan itu tiada cukai boleh ditolak daripada sumber pembayaran dividen.

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2008 (RM)	2007 (RM)
Peruntukan bagi tahun semasa	<u>493,634,244</u>	<u>351,019,698</u>

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan sebanyak 7.00 sen (2007: 8.00 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit bagi tahun berakhir 31 Ogos 2008. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tahun kewangan berakhir.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber berikut:

	2008 (RM)	2007 (RM)
Faedah dan lain-lain pendapatan	109,262,180	-
Pendapatan dividen	249,640,075	181,492,968
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	<u>221,073,304</u>	<u>214,770,391</u>
	579,975,559	396,263,359
Tolak: Perbelanjaan	(86,341,315)	(45,243,661)
Jumlah pengagihan	<u>493,634,244</u>	<u>351,019,698</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	<u>7.00 sen</u>	<u>8.00 sen</u>

9. UNIT DALAM EDARAN

	2008 Unit	2007 Unit
Unit yang dibenarkan	10,000,000,000	10,000,000,000

	2008 (RM)	2007 (RM)
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:		
Pada 1 September	<u>5,355,100,000</u>	<u>3,090,000,000</u>
Penjadian unit untuk jualan	2,090,000,000	2,065,000,000
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan	<u>350,000,000</u>	<u>200,100,000</u>
	<u>2,440,000,000</u>	<u>2,265,100,000</u>
Pada 30 Jun	<u>7,795,100,000</u>	<u>5,355,100,000</u>

Sepanjang tahun berakhir dan pada 31 Ogos 2008, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Ogos 2008, PNB secara sah memegang 28,648,483 (2007: 3,565,572) unit bernilai RM1 setiap satu, yang merangkumi 0.37% (2007: 0.07%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

10. URUSNIAGA DENGAN PNB

	2008 (RM)	2007 (RM)
Pembelian pelaburan	<u>33,383,876</u>	<u>48,800,000</u>
Penjualan pelaburan	<u>38,524,237</u>	<u>54,668,478</u>

11. URUSNIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM

Sepuluh syarikat broker saham terbesar mengikut nilai urusan niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
Aseambankers Malaysia Berhad*	988,042,703	28.44	1,997,646	28.04
MIDF Amanah Investment Bank Berhad*	580,126,184	16.70	1,168,676	16.40
RHB Investment Bank Berhad	174,019,561	5.01	353,107	4.96
ECM Libra Avenue Securities Sdn. Berhad	171,209,373	4.93	351,242	4.93
Hwang-DBS Investment Securities Berhad*	158,504,146	4.56	328,980	4.62
AMInvestment Bank Berhad*	158,374,221	4.56	326,435	4.58
CIMB Investment Bank Berhad	151,914,609	4.37	372,417	5.23
Affin Investment Bank Berhad*	143,968,188	4.14	296,106	4.16
Kenanga Investment Bank Berhad	124,081,421	3.57	250,468	3.52
KAF-Seagroatt & Campbell Securities Sdn. Bhd.	119,450,349	3.44	251,044	3.52
Lain-lain	704,604,352	20.28	1,429,053	20.04
	<u>3,474,295,107</u>	<u>100.00</u>	<u>7,125,174</u>	<u>100.00</u>

ASNB dan PNB tidak mempunyai sebarang pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham di atas

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

12. NISBAH PUSING GANTI PORTFOLIO

	2008	2007
Nisbah Pusing Ganti Portfolio ("NPGP")	<u>0.24 kali</u>	<u>0.40 kali</u>

Pengiraan NPGP adalah berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Maka, perbandingan NPGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2008	2007
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	<u>1.02%</u>	<u>0.94%</u>

Pengiraan NPP adalah berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Maka, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

ALAMAT PEJABAT-PEJABAT ASNB

KUALA LUMPUR*

Kaunter Utama

Amanah Saham Nasional Berhad

Tingkat 1,
Balai PNB,
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-2050 5471
Faks: 03-2161 8852

PERLIS*

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 7, Jalan Indera Kayangan
01000 Kangar Perlis
Tel : 04-978 1111 / 04-977 5702 /
04-978 1112
Faks: 04-976 0800

KEDAH*

Amanah Saham Nasional Berhad

27 Kompleks Shahab Perdana,
Jalan Sultanah Sambungan
05250 Alor Setar, Kedah
Tel: 04-733 4603 / 04-731 1012 /
04-731 0770
Faks: 04-731 4140

PULAU PINANG

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 2777, Jalan Chain Ferry,
Taman Inderawasih
13600 Perai
Pulau Pinang
Tel: 04-399 4381 / 04-399 4378
Faks: 04-399 4404

PERAK*

Amanah Saham Nasional Berhad

No 8 & 8A, Persiaran Greentown 1,
Greentown Business Centre
30450 Ipoh, Perak
Tel: 05-255 5500 / 05-255 5505
Faks: 05-255 5506

NEGERI SEMBILAN*

Amanah Saham Nasional Berhad

36 Jalan Tunku Hassan
70000 Seremban
Negeri Sembilan
Tel: 06-761 8451 / 06-763 8546 /
06-762 6239
Faks: 06-763 3384

SELANGOR*

Shah Alam

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 2-1 & 2-2, Pusat Dagangan
UMNO Shah Alam,
Persiaran Damai,
Seksyen 11, 40000 Shah Alam
Selangor
Tel: 03-5510 3155 / 03-5512 1366 /
03-5513 2177 / 03-5519 8100
Faks: 03-5513 7155

MELAKA

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 250 F, Jalan Semabok
75050 Melaka
Tel: 06-284 0690 / 06-282 7361
Faks: 06-283 9940

JOHOR*

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 49 Bangunan Tabung Haji,
Jalan Segget
80000 Johor Bahru
Johor
Tel: 07-224 0077 / 07-227 2277
Faks: 07-223 2533

PAHANG

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 73 Tingkat Bawah,
Jalan Tun Ismail
25000 Kuantan
Pahang
Tel: 09-517 8340 / 09-517 8341
Faks: 09-513 6694

*Pejabat ASNB beroperasi penuh

ALAMAT PEJABAT-PEJABAT ASNB

TERENGGANU

Amanah Saham Nasional Berhad

59-F Tingkat Bawah,
Bangunan Low Fat,
Jalan Tok Lam
20100 Kuala Terengganu,
Terengganu

Tel: 09-630 1500 / 09-630 1501

Faks: 09-623 5422

KELANTAN*

Amanah Saham Nasional Berhad

2983-V Jalan Parit Dalam
15000 Kota Bharu
Kelantan

Tel: 09-741 9909 / 09-741 9900

Faks: 09-744 6663

SABAH

-Kota Kinabalu*

Amanah Saham Nasional Berhad

Tingkat Bawah & 1
Blok G Lot 55,
Asiacity Phase 1B,
88000 Kota Kinabalu
Sabah

Tel: 088-241 011 / 088-257 725

Faks: 088-218 814

-Tawau

Amanah Saham Nasional Berhad

TB 4287 & 4280,
Tingkat Bawah & Satu,
Town Ext II Jalan Masjid,
Kompleks Fajar Tawau
91000 Tawau Sabah

Tel: 089-779 389 / 089-779 390 /
089-779 391

Faks: 089-776 600

-Sandakan

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 15, Tingkat Bawah
Bandar Pasaraya, Fasa I
90000 Sandakan, Sabah

Tel: 089-223 530 / 089-210 486

Faks: 089-210 597

SARAWAK

-Kuching*

Amanah Saham Nasional Berhad
Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lot 335,
Seksyen 9 KTLD Jalan Rubber,
93400 Kuching Sarawak

Tel: 082-410 210 / 082-250 389

Faks: 082-250 313

-Sibu

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 1007 & 1008
Jalan Kampung Nyabor
96000 Sibu Sarawak

Tel: 084-314 967

Faks: 084-322 497

-Sri Aman

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 4C Tingkat Bawah,
Lot 82, Jalan Sabu
95000 Sri Aman Sarawak

Tel: 083-321 742

Faks: 083-323 233

-Miri

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 886 Blok 9
MCLD Miri Waterfront
Commercial Centre
98000 Miri Sarawak

Tel: 085-419 984 / 085-423 746

Faks: 085-423 384



Pihak ASNB akan melancarkan Projek Transformasi PNB iaitu projek menaiktaraf sistem ASNB di mana butir peribadi pemegang unit akan disatukan bagi semua unit amanah yang telah didaftar. Oleh itu dimohon kerjasama tuan/puan untuk mengemaskini alamat surat menyurat, nombor telefon dan butiran peribadi yang terkini bagi memudahkan pihak kami menghubungi tuan/puan.

BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PEMEGANG UNIT

1. Jenis Akaun Dewasa Remaja/Bijak

2. Maklumat Pemegang Unit

Nama : _____

No Ahli : _____ No K/P : _____

No Telefon yang boleh dihubungi : _____

E-mel : _____

3. Permohonan Pertukaran

Alamat Surat-menyurat : _____

Poskod _____ Bandar/Negeri _____

_____ Pekerjaan : _____

PENGESAHAN PEMEGANG UNIT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa butir-butir yang telah diberikan adalah benar. Saya membenarkan pihak ASNB mengemaskini semua butiran tersebut bagi semua unit amanah saya yang telah berdaftar dengan pihak ASNB.

Tandatangan Pemohon/Tandatangan
Penjaga Berdaftar

Tarikh

Sila hantarkan ke pejabat ASNB yang berhampiran atau ke:

JABATAN PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN EJEN
UG, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-2057 3000 / 03 - 2057 3111 Faks: 03 - 2050 5220
E-mail : asnbcare@pnb.com.my

UNTUK KEGUNAAN ASNB SAHAJA

Diterima Oleh :

Nama :

Tarikh :

Disahkan Oleh :

Nama :

Tarikh :